

CNS6759

R GB 07-05 00184 BH459

bah

Mahathir - Jepun

MALAYSIA TIDAK BANTAH JEPUN JADI ANGGOTA MAJLIS KESELAMATAN

SHAH ALAM, 7 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak membantah usaha Jepun untuk menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Tetapi, katanya, usaha perlu diambil dari sekarang bagi memperbetulkan keadaan yang tidak seimbang dalam majlis keselamatan, yang hanya dianggotai oleh negara-negara maju.

"Sementara kita setuju Jepun dan Jerman (menjadi anggota), negara-negara membangun juga harus dapat tempat dalam Majlis Keselamatan. Kalau tidak majlis itu akan berat sebelah seperti yang berlaku sekarang dan ini tidak sihat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perusahaan Usra Tampi (M) Sdn Bhd, kilang membuat peralatan komponen plastik, di sini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai laporan akhbar dari Singapura hari ini bahawa negara itu menyokong usaha Jepun untuk menjadi anggota tetap majlis itu.

"Pendapat kita ialah sepatutnya tidak ada anggota tetap dan tidak ada kuasa veto. Negara tidak maju seperti kita juga patut layak (menjadi anggota) walaupun bukan secara tetap atau diadakan secara giliran," katanya.

-- Lagi.

▼07/05/22-06MST

CNS6763

R GB 07-05 00157 BH460

bah

Mahathir - Jepun 2 Shah Alam

Mengenai kemungkinan Jepun menjadi kuasa tentera sekiranya diterima sebagai anggota tetap majlis keselamatan, Dr Mahathir berkata, beliau yakin keadaan itu tidak akan berlaku "kerana jika begitu, China pun boleh menjadi kuasa tentera di rantau ini."

Mengenai keselamatan negara ini, beliau berkata, Malaysia mempunyai peraturan keselamatan yang cukup dan tidak memerlukan pangkalan asing atau mengharapakan perlindungan dari luar.

Katanya, Malaysia tidak boleh mengharapakan bantuan orang lain tapi sebaliknya perlu belajar melindungi diri sendiri sama ada secara ketenteraan ataupun cara-cara lain.

"Keselamatan sesebuah negara tidak bergantung kepada kekuatan tentera sahaja. Jadi kita tidak payah memanggil tentera lain untuk menjaga keselamatan kita kerana negara asing tidak akan tolong kalau kepentingan mereka tidak terlibat," katanya.

Perdana Menteri mengambil contoh apa yang berlaku di Bosnia, yang menurutnya menjadi semakin serius kerana negara-negara maju lebih mementingkan keselamatan anggota tentera mereka daripada keinginan untuk membantu. -- Lagi.

▼07/05/22-14MST

CNS6766

R GB 07-05 00174 BH461

bah

Mahathir - Jepun 3 (Akhir) Shah Alam

Mengenai keadaan yang semakin meruncing di Kemboja sekarang, Dr Mahathir berkata beliau dukacita dengan sikap Khmer Rouge, yang menurutnya hanya akan merosakkan negara itu kerana mereka tidak mungkin mencapai kemenangan daripada keadaan yang berlaku itu.

Ketika ditanya tentang kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong hari ini bahawa negara itu akan menimbang secara serius untuk menganggotai Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) jika dipelawa, beliau berkata itu adalah hak Singapura.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak mahu menganggotai pakatan itu walaupun keanggotaan dibuka kepada negara-negara di Asia.

"Kita tidak hendak. Kita tidak suka pada blok perdagangan yang tertutup," katanya. Mengenai kegiatan pertubuhan Al Arqam, Dr Mahathir berkata, pemimpin-pemimpinnya ingin menyemai kepercayaan di kalangan anggotanya bahawa kepimpinan sesebuah negara sepatutnya dipegang oleh ulamak dan dengan itu beliau tidak layak menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun, kata beliau, bukanlah mudah bagi kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap pertubuhan itu kerana ia dianggotai oleh begitu ramai rakyat. -- Bernama.

JO JSM AZ